



**PERUTUSAN
YBHG. DATO' IR. TS. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.1/2026
PADA 28 JANUARI 2026 (RABU) JAM 10.00 PAGI**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

Salam Malaysia Madani

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Tn. Ir. Ts. Br. Mohd Kamal bin Mohd Yusof Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban, Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pengamal media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran :
 - I. YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun, ADUN Sikamat ;
 - II. YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hassan, ADUN Rantau ;
 - III. YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, ADUN Nilai ;

- IV. YB Puan Nicole Tan Lee Koon, ADUN Bukit Kepayang;
- V. YB Hajah Tengku Zamrah bt Tengku Sulaiman, ADUN Ampangan ;
- VI. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya ;
- VII. YB Tuan Chew Seh Yong, ADUN Lobak ;
- VIII. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang ;
- IX. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau ;
- X. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang ;
- XI. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng ;

Syukur Alhamdulillah segala puji dan syukur kepada Ilahi kerana dengan izin dan limpah-Nya dapat juga Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Bandaraya Seremban Bil.1/2026 dapat diadakan dan dihadiri oleh Ahli Mesyuarat bersama-sama dengan pemerhati.

- 3. Untuk makluman Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, mesyuarat yang diadakan hari ini disiarkan secara langsung menerusi laman sosial *Facebook* rasmi Majlis Bandaraya Seremban dan turut dibantu oleh Jurubahasa daripada Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA).

4. Saya mulakan ucapan Mesyuarat MMP pagi ini dengan satu potong ayat Al-Quran iaitu Surah Taubah ayat 71 yang bermaksud :

"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (berbuat) yang makruf, dan mencegah dari yang mungkar..."

5. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bermesyuarat pada hari ini dalam semangat kebersamaan dan tekad memperkukuh perkhidmatan kepada rakyat.
6. Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada YAB Menteri Besar Negeri Sembilan atas amanat yang sarat dengan visi, hala tuju dan penekanan jelas terhadap kecekapan penyampaian perkhidmatan awam pada 13 Januari lalu Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan tahun 2026 . Amanat tersebut memberi peringatan bahawa penjawat awam adalah pemegang amanah rakyat dan kejayaan sebenar pentadbiran bukan hanya diukur melalui angka dan statistik, tetapi melalui **hasil yang benar-benar dirasakan oleh rakyat di lapangan.**

7. Saya juga mendapat perhatian daripada YAB Menteri Besar dengan ucapan tahniah dan penghargaan kepada saya yang konsisten turun padang dan menunjukkan kepimpinan melalui teladan. Perkara yang dinyatakan ini bukannya untuk saya sebenarnya malah ia melambangkan komitmen yang menyeluruh Ahli-Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban dan warga Bandaraya Seremban dalam memastikan bandaraya ini terus maju ke hadapan dan mencapai ekpektasi warganya.
8. Sehubungan itu, tahun 2026 menuntut satu perubahan budaya kerja yang lebih progresif. Kecekapan bukan lagi sekadar menyediakan laporan yang lengkap, tetapi keupayaan membuat keputusan pantas, bertindak segera dan menyelesaikan masalah secara berkesan. Pendekatan **“Top to Bottom”** dan **“Bottom to Top”** perlu digerakkan seiring — kepimpinan menetapkan hala tuju yang jelas, manakala warga pelaksana menyalurkan realiti di lapangan agar dasar yang digubal benar-benar menepati keperluan rakyat.

9. Dalam konteks Majlis Bandaraya Seremban, saya ingin menegaskan komitmen seluruh warga kerja untuk memastikan setiap dasar, program dan perkhidmatan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Fokus kita adalah memastikan **perkhidmatan yang cekap, telus dan berintegriti**, serta memastikan setiap inisiatif kerajaan diterjemahkan kepada manfaat sebenar kepada komuniti bandar raya.
10. Prestasi kewangan negeri yang kukuh, kutipan hasil melebihi sasaran serta pencapaian Sijil Audit Bersih tanpa teguran selama tujuh tahun berturut-turut merupakan bukti kecekapan dan integriti penjawat awam Negeri Sembilan. Namun, YAB Menteri Besar menegaskan bahawa **rakyat tidak hanya mahu mendengar tentang surplus**, sebaliknya mereka mahu merasai manfaatnya melalui kesejahteraan hidup, peluang pekerjaan dan kemudahan perkhidmatan yang cekap serta responsif.

11. Kerajaan Negeri juga menegaskan pendirian tegas terhadap isu integriti dan tatakelola. Tiada kompromi terhadap salah laku, rasuah atau penyalahgunaan kuasa. Reformasi perkhidmatan awam menuntut kita memperkukuh nilai amanah, ihsan dan profesionalisme dalam setiap tindakan.
12. Berteraskan tiga indikator utama yang digariskan — **Integriti Menyeluruh, Kecekapan Perkhidmatan dan Khidmat Dirasai Rakyat** — saya menyeru seluruh warga Majlis Bandaraya Seremban untuk terus melangkah ke hadapan dengan semangat baharu.
13. Saya kongsi juga satu intipati penting di dalam ucapan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan **iaitu Budaya Kesegeraan**. Kita perlu membudayakan prinsip **kesegeraan** dalam perkhidmatan. Jika sesuatu keputusan boleh dibuat hari ini, jangan ditangguhkan ke esok hari. Setiap kelewatan memberi kesan langsung kepada urusan rakyat, pelabur dan pihak berkepentingan. Kecekapan bukan bermaksud tergesa-gesa tanpa tatakelola, tetapi bertindak pantas dengan penuh tanggungjawab dan amanah.

14. Saya mengambil contoh berkaitan pengurusan aduan. Setiap aduan perlulah disegerakan. Ketua Jabatan dan Ketua Unit perlulah melakukan analisis data terhadap aduan yang diperolehi dan melihat corak aduan (*patern recognition*) ,sama ada perlu tindakan teknikal atau cadangan penambahbaikan. Dengan tindakan ini dapat aduan tersebut diberikan maklumbalas segera dan secara langsung meningkatkan Index Kepuasan Pelanggan MBS daripada pihak pengadu.
15. Oleh itu, jadikan tahun 2026 sebagai titik tolak kepada perkhidmatan bandar raya yang lebih cemerlang, berdaya saing dan berorientasikan rakyat.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

PELAN STRATEGIK

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

16. Untuk makluman ahli mesyuarat sekalian, MBS akan melancarkan Pelan Strategik Majlis Bandaraya Seremban 2026-2030 (PSO MBS 26-30) pada 30 Januari 2026 nanti, sebagai satu panduan utama dalam memperkukuh tadbir urus, meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan serta memacu pembangunan bandar raya yang mampan, inklusif dan berdaya saing. Justeru, saya menyeru agar setiap jabatan dan unit memahami peranan masing-masing serta memainkan fungsi secara bersepadu demi merealisasikan aspirasi yang telah digariskan.
17. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, MBS telah menetapkan visi dan misi yang jelas, serta mengangkat slogan “**Destinasi Pembangunan, Inspirasi Kehidupan**” sebagai panduan dan sumber ilham dalam melaksanakan setiap tanggungjawab harian dengan disokong oleh empat teras utama, iaitu:

- I. Tadbir Urus Yang Cepak Dan Progresif
 - II. Pengarusperdanaan Pembangunan Mampan;
 - III. Pengoptimuman Hasil Dan Pengurusan Kewangan Yang Bertanggungjawab;
 - IV. Pemerkasaan Kesejahteraan Sosial Dan Ekonomi Masyarakat
18. **PSO MBS 2026–2030** ini turut diperkukuh melalui penerapan **Nilai Bersama S.E.R.E.M.B.A.N** sebagai teras pembudayaan kerja dalam kalangan warga Majlis Bandaraya Seremban. Nilai-nilai tersebut merangkumi **Saksama, Efisien, Responsif, Etika, Mesra, Bersih, Akauntabiliti** dan **Normatif**, yang menjadi panduan dalam setiap tindakan, keputusan serta penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat. Penerapan nilai ini diharap dapat membentuk budaya kerja yang berintegriti, profesional dan berfokuskan rakyat sejajar dengan aspirasi bandar raya Seremban.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

19. Sehingga **25 Januari 2026**, prestasi kutipan Cukai Taksiran
Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut
:-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2026 (RM73.29Juta)

Prestasi = RM21.38Juta (24.8%)

(b) Sasaran 30% Kutipan Tunggakan
(RM28.97Juta) Prestasi = RM1.93Juta
(2.00%)

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM167Juta)

Prestasi = RM20.85Juta (12.95%)

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM257.5Juta)

Prestasi = RM27.09Juta (10.52%)

(e) Belanja Mengurus (RM256.80Juta)

Prestasi = RM6.88Juta (4.52%)

(f) Belanja Pembangunan (RM13.70Juta)

Prestasi = RM0.75Juta (5.49%)

Perbandingan bagi tahun 2025 pula, sehingga **26**

Januari 2025 :-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2054 (RM70.43Juta)

Prestasi = RM20.44Juta (24.66%)

(b) Sasaran 30% Kutipan Tunggakan (RM28Juta)

Prestasi = RM2.29Juta (2.45%)

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM161Juta)

Prestasi = RM21.42Juta (14.72%)

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM246.5Juta)

Prestasi = RM27.47Juta (11.14%)

(e) Belanja Mengurus (RM246.71Juta)

Prestasi = RM12.14Juta (4.92%)

(f) Belanja Pembangunan (RM12.19Juta)

Prestasi = RM0.01Juta (0.10%)

Sumber : Jabatan Kewangan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

KUTIPAN OPERASI DARI PINTU KE PINTU

20. Majlis Bandaraya Seremban sentiasa berusaha meningkatkan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada warga bandar raya Seremban terutamanya dalam urusan pembayaran Cukai Taksiran. Majlis menggalakkan warga bandar raya Seremban menggunakan aplikasi atas talian ataupun *Online* dalam setiap transaksi bagi memudahkan pembayaran tanpa perlu hadir ke kaunter Majlis Bandaraya Seremban. Walaupun begitu, Majlis Bandaraya Seremban tetap memahami kekangan warga bandar raya Seremban terutamanya bagi

golongan berusia dan mempunyai masalah talian internet di luar capaian.

21. Sehubungan dengan itu, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan kutipan operasi dari pintu ke pintu. Sepanjang bulan Disember 2025, Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Kewangan telah mengadakan operasi kutipan di Taman Tuanku Jaafar, Taman Green Street Homes & Garden Homes, Taman Nusari Bayu 1, Taman Bukit Margosa, Taman Hijayu 1 dan Taman Nusa Intan. Sebanyak 3,899 bilangan akaun telah disasarkan dengan jumlah tunggakan RM3,969,254.99 namun hanya 80 bilangan akaun kutipan dengan jumlah sebanyak RM42,485.50 berjaya dikutip.
22. Selain daripada itu, Majlis juga telah mengadakan lawatan ke premis di dalam kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban sepanjang bulan Disember 2025. Sebanyak 873 bilangan akaun disasarkan dengan jumlah tunggakan sebanyak RM576,435.50 namun hanya 282 bilangan akaun kutipan dengan jumlah kutipan RM98,847.35 berjaya dikutip.

23. Sepanjang bulan Disember 2025 juga, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan kaunter bergerak di 2 lokasi iaitu di Balairaya Kg. Panchor bagi Program Kampung Angkat MADANI dan Sekolah Angkat MADANI serta di Dataran Nilai sempena Program NS Festival 2025. Sebanyak 9,447 bilangan akaun kutipan dengan nilai berjumlah RM333,301.39 telah berjaya dikutip sepanjang program berlangsung.

Tindakan : Jabatan Kewangan

SESI PENYERAHAN SURAT KENAIKAN PANGKAT (MEMANGKU) DAN PENGISIAN JAWATAN, MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

24. Majlis Bandaraya Seremban mengucapkan tahniah kepada En. Mohd Lotffee bin Abdullah, Pengarah Pelesenan dan Pembangunan Usahawan dan Puan Rozana binti Mohamad daripada Jabatan Perancangan Pembangunan MBS kerana telah menerima surat kenaikan pangkat (memangku) dan pengisian jawatan pada 15 dan 29 Disember 2025 yang lalu. Saya telah menyampaikan surat tersebut di Pejabat Datuk Bandar dan saya berharap supaya warga kerja Majlis Bandaraya Seremban yang lain dapat menjadikan perkara ini sebagai semangat untuk berusaha dengan lebih gigih pada masa akan datang.

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

PELAPORAN JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

i. LAWATAN DI TAMAN TASIK SEREMBAN BAGI CADANGAN MEWUJUDKAN TAPAK PENJAJA SETEMPAT BERSAMA AHLI MAJLIS

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

25. Baru-baru ini saya telah mengadakan lawatan ke Taman Tasik Seremban bagi cadangan mewujudkan Tapak Penjaja Setempat bersama dengan En. Roslan bin Abd Aziz, Ahli Majlis MBS. Lawatan ini diadakan berikutan susulan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Taman Tasik Seremban pada 6 Oktober 2025 bagi cadangan lokasi aktiviti menjaja atau *foodtruck* di kawasan sekitar Taman Tasik Seremban.
26. Hasil lawatan tersebut mendapati terdapat 2 lokasi cadangan penempatan peniaga di sekitar Taman Tasik Seremban iaitu di tempat letak kereta berdekatan Gerai Jalan Dato' Hamzah (Pendidikan) dengan cadangan sebanyak 4 petak dan di Jalan Taman Bunga berdekatan MAINS (berhampiran lokasi penempatan MyKiosk).

27. Sehubungan dengan itu, saya meminta supaya perkara ini dapat direalisasikan sebagai penambahbaikan di bandaraya Seremban.

*Sumber : Jab, Pelesenan & Pembangunan
Usahawan*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

**ii. TAKLIMAT PENGANJURAN DAN PERNIAGAAN
BAZAR RAMADAN DALAM KAWASAN MAJLIS
BANDARAYA SEREMBAN TAHUN 1447H/2026M DI
RUANG DAGANG PAROI**

28. Pada 24 Disember 2025, Mesyuarat Bazar Ramadan Bil.2/2026 telah diadakan bagi meneliti permohonan, membincangkan kriteria pemilihan dan memastikan penganjur yang dipilih berkeupayaan mengurus bazar dengan teratur, berintegriti dan mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan. Setelah perbincangan diadakan, seramai 43 orang penganjur telah dipilih dan majlis penyampaian surat tawaran kepada penganjur telah diadakan pada 6 Januari 2026. Saya juga telah menyampaikan taklimat bagi memberi penerangan syarat-

syarat penganjuran dan perniagaan Bazar Ramadan yang telah ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Seremban.

29. Taklimat ini turut mendapati kerjasama daripada Pejabat Kesihatan Daerah Seremban, Balai Polis Senawang, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCORP Negeri Sembilan) dan Pegawai RELA Daerah Seremban bagi mendengar taklimat

*Sumber : Jab, Pelesenan & Pembangunan
Usahawan*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

30. Bermula 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025, Majlis Bandaraya Seremban telah menjalankan aktiviti kawalan iaitu :-
- i. *fogging* 47,024 premis ;
 - ii. ULV 87,903 premis ;
 - iii. *larvaciding* 469 lokaliti ;
 - iv. *source reduction* 469 lokaliti ;
 - v. gotong-royong ke atas 144 taman ;

31. Sepanjang bulan Disember 2025, Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2 telah merekodkan sebanyak 50 kematian jenazah warganegara dan 1 jenazah bukan warganegara. Manakala bagi Tanah Perkuburan Islam Ainsdale telah mencatatkan sebanyak 9 pengebumian jenazah warganegara dan bagi Tanah Kristian Sendayan pula merekodkan sebanyak 9 pengebumian warganegara.

Sumber : Jabatan Kesihatan Persekkitaran

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

32. Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan telah mengambil tindakan penguatkuasaan kompaun pada 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025. Laporan pengeluaran kompaun dan amaun adalah seperti dipaparan :-

RINGKASAN PENGELUARAN KOMPAUN MENGIKUT AKTA BERDASARKAN TARIKH 1/1/2025 SEHINGGA 31/12/2025	
BILANGAN KOMPAUN	653,761.00
AMAUN	RM38,380,025.00

BILANGAN KOMPAUN BERBAYAR	272,831	41.7%
AMAUN KOMPAUN BERBAYAR	RM5,167,921.00	13.5%

Jumlah kertas siasatan (IP) yang telah dibuka pada 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025 adalah sebanyak 2,129.

33. Ringkasan pengeluaran kompaun mengikut Akta berdasarkan tarikh 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025 adalah seperti dipaparan :-

Sumber : Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan

PENGAMBILALIHAN PENGURUSAN FASILITI SUKAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN OLEH SYARIKAT ENERGETIC POINT SDN BHD

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

34. Mulai 1 Februari 2026, keseluruhan urusan tempahan dan bayaran bagi menggunakan fasiliti-fasiliti sukan di bawah pengurusan Majlis Bandaraya Seremban akan diurus selia oleh Syarikat Energetic Point Sdn Bhd (EPSB). Fasiliti tersebut adalah :-
- i. Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi ;
 - ii. Kompleks Sukan Negeri, Paroi (Centre Court) ;
 - iii. Pusat Akuatik Negeri, Paroi ;
 - iv. Kolam Renang Awam, Paroi ; dan
 - v. Stadium Hoki Tan Sri Dato' Dr. Haji Mohd Said, Seremban 2
35. Segala urusan tempahan dan bayaran penggunaan fasiliti sukan tersebut bagi tujuan seperti latihan, perlawanan sukan, acara komersial atau hiburan hendaklah dibuat melalui laman sesawang EPSB dan tiada lagi tempahan untuk 5 fasiliti tersebut di portal MBSC*lick*. Pengambilalihan

pengurusan tempahan dan bayaran ini turut meliputi penggunaan Kolam Renang Paroi di mana sistem pembayaran tiket masuk adalah menggunakan kaedah Kod QR mulai 1 Februari 2026. Sebarang pertanyaan berhubung tempahan boleh dikemukakan terus kepada EPSB ditalian yang tertera di laman sosial MBS (011-57505023).

Sumber : Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan

ANUGERAH *PINNACLE* DI MAJLIS GEOINNOVATION MALAYSIA 2025

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

36. Majlis Bandaraya Seremban telah memenangi Anugerah *Pinnacle* Geoinnovation Malaysia 2025 pada 22 Januari 2026. Pengiktirafan Anugerah *Pinnacle* ini diberikan bagi menghargai usaha inovatif Majlis Bandaraya Seremban dalam mengadaptasi teknologi geospasial dengan melahirkan sebuah penyelesaian baharu yang mempunyai tahap kematangan yang tinggi serta kecemerlangan yang konsisten bagi meningkatkan kecekapan pengurusan maklumat organisasi secara lebih efisien dan efektif.
37. Anugerah ini telah disampaikan oleh CEO ESRI Malaysia dan turut hadir bersama-sama dengan saya ketika itu ialah Pengarah Perancangan Pembangunan MBS, Pengarah Teknologi Maklumat & Komunikasi MBS, Pengarah Penilaian & Pengurusan Harta MBS, Pengarah Pelesenan & Pembangunan Usahawan dan wakil-wakil jabatan MBS.

38. Majlis Bandaraya Seremban telah menghantar pencalonan bagi Sistem Geo-Seremban yang telah mula dibangunkan sejak tahun 2024. Sistem ini merupakan satu sistem pengurusan data spatial bersepadu yang mampu membantu MBS untuk menguruskan perbandaran dengan lebih efisien berpanduan data.

Sumber : Jab. Teknologi Maklumat & Komunikasi

SIDANG MEDIA BERKAITAN PENGANJURAN BAZAR RAMADAN TAHUN 1447H/2026M DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

39. Majlis Bandaraya Seremban telah menerima laporan mengenai isu sewa tapak Bazar Ramadan di tapak Senawang yang mencecah harga sehingga RM8,000.00 di laman sosial *Facebook* Macam-Macam Ada. Bagi menjawab mengenai isu ini, saya telah mengadakan perjumpaan bersama dengan pihak penganjur, peniaga, pengamal media dan pengadu tetapi pihak yang mengeluarkan spekulasi tidak hadir semasa sesi tersebut diadakan.
40. Saya ingin menafikan sekeras-kerasnya mengenai spekulasi di media sosial tersebut dan menegaskan bahawa Majlis Bandaraya Seremban telah meletakkan syarat mengenai kadar bayaran bagi petak mengikut saiz dan lokasi melalui surat tawaran kepada penganjur. Sekiranya penganjur gagal mematuhi syarat yang telah ditetapkan, kebenaran untuk menganjurkan bazar boleh ditarik balik / dibatalkan dan segala bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.

41. Majlis Bandaraya Seremban akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang mengeluarkan kenyataan berunsur fitnah dan palsu. Perjumpaan tersebut turut melibatkan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Perjumpaan ini juga merupakan permintaan daripada peniaga-peniaga yang dikenakan bayaran tinggi dan saya sentiasa terbuka untuk mengadakan perbincangan bersama pihak peniaga.
42. Selain daripada itu, Majlis Bandaraya Seremban telah membuka iklan Pengisian Peniaga di Bazar Aidilfitri Dataran Senawang pada 26 Januari 2026 dengan anggaran harga bermula daripada RM500.00 hingga RM3,500.00. Peniaga yang berminat telah hadir ke kaunter MBS Wisma MBS dan bayaran tapak dilakukan terus kepada penganjur yang telah diluluskan oleh MBS iaitu :-
- i. Pertubuhan Sabahat Muafakat Negeri Sembilan ;
 - ii. Wawasan Sinar MMR Sdn Bhd ;
 - iii. Pertubuhan Seni Gayong Serantau Malaysia ; dan
 - iv. Pertubuhan Belia Warisan Paroi

43. Majlis Bandaraya Seremban ingin memberi peringatan sekali lagi kepada peniaga supaya mengelakkan pembayaran kepada pihak ketiga dan MBS tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kerugian. Peniaga juga perlu memastikan menerima resit yang sah serta mempunyai nama penganjur, lokasi dan jumlah pembayaran.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEMPEN CABUTAN BERTUAH KEPADA PEMBAYAR SECARA ATAS TALIAN DENGAN BAYARAN PENUH CUKAI TAKSIRAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2026

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

44. Pada 21 Januari 2026, saya telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah Kempen Cabutan Bertuah Kepada Pembayar Secara Atas Talian Dengan Bayaran Penuh Cukai Taksiran Sehingga 31 Disember 2026 bertempat di Lobi Wisma MBS. Objektif utama program ini adalah untuk menggalakkan dan menghargai warga bandar raya Seremban yang telah menjelaskan Cukai Taksiran melalui dalam talian.

45. Kempen ini diadakan adalah khusus kepada seluruh pemilik harta dalam kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban sebagai insentif dan galakkan supaya pembayar cukai menjelaskan Cukai Taksiran secara atas talian (*online*) dengan menjelaskan bayaran bil semasa bagi tahun 2026. Untuk makluman, kempen kali ini Majlis Bandaraya Seremban telah menerima sebanyak 18,052 penyertaan dengan jumlah bayaran RM7.02 juta. Pada tahun ini, sebanyak 40 cabutan hadiah telah disediakan berupa baucer tunai, 'gold bar' (1 gram), telefon pintar, motosikal, skuter dan hadiah utama berupa Perodua Bezza.
46. Saya dan Ahli-Ahli Majlis MBS telah menyempurnakan cabutan semasa Perhimpunan Pagi Majlis Bandaraya Seremban Bil.1/2026 pada 5 Januari 2026 dan siaran ini telah ditayangkan secara langsung menerusi laman sosial rasmi *Facebook* Majlis Bandaraya Seremban. Saya meminta supaya warga bandaraya Seremban menjelaskan bayaran Cukai Taksiran dengan segera bagi mengelakkan bayaran denda.

Sumber : Jab. Kewangan

PENUTUP

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

47. Tidak terlewat rasanya untuk saya mengucapkan selamat menyambut tahun 2026 kepada seluruh warga bandar raya Seremban dan tahun ini merupakan tahun ke – 6 Majlis Bandaraya Seremban dinaiktaraf semenjak 1 Januari 2020 yang lalu. Jika diimbau kembali, Majlis Pengisytiharan Majlis Bandaraya Seremban (MBS) telah dimasyhurkan oleh DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir pada 20 Januari 2020. Penubuhan MBS merupakan hasil penggabungan Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020, sekali gus mencatat sejarah sebagai PBT pertama yang bergabung menjadi satu entiti.
48. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban dan seluruh warga bandaraya Seremban kerana dalam usia begini telah banyak pencapaian kita capai sama ada di dalam Malaysia

mahupun peringkat antarabangsa. Saya meminta supaya kerjasama dan sokongan ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memastikan status Bandar Pintar menjadi realiti satu hari nanti.

49. Tidak lupa juga ucapan Selamat Menyambut Hari Thaipusam kepada yang menyambutnya pada 1 Februari 2026 nanti. Semoga kepelbagaian budaya, agama dan bangsa di Malaysia dapat menyatukan kita menjadi warga bandaraya Seremban yang bersatu padu dan harmoni dalam memperkukuhkan semangat persefahaman budaya dalam masyarakat berbilang etnik.
50. Akhir kata, saya mendoakan usaha dan impian kita bagi mempersiapkan Seremban menjadi sebuah Bandar Raya Pintar atau “*Smart City*” akan dipermudahkan dengan kerjasama dan bantuan daripada semua pihak.

Sekian, terima kasih.

**DATO' IR.TS.HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
28 JANUARI 2026**